



## PERATURAN PERTANDINGAN LIGA BOLA SEPAK IPT 2019

### 1. TAFSIRAN:

- 1.1 “**LBSIPT**” bermakna Pertandingan Liga Bolasepak IPT.
- 1.2 “**KPM**” bermakna Kementerian Pendidikan Malaysia
- 1.3 “**FIFA**” bermakna satu badan pentadbiran terdiri daripada gabungan Bola Sepak Antarabangsa.
- 1.4 “**JKP**” bermakna Jawatankuasa Pengelola yang akan bertanggungjawab keatas semua hal berkaitan dengan pengelolaan Liga Bolasepak IPT.
- 1.5 “**JKTP**” bermakna Jawatankuasa Teknikal & Pertandingan yang bertanggungjawab keatas semua perkara Teknikal didalam Pertandingan LIPT
- 1.6 “**FAM**” bermakna Persatuan Bolasepak Malaysia yang bertanggungjawab keatas semua perkara-perkara Teknikal didalam Pertandingan Liga Bolasepak IPT.
- 1.7 “**Peraturan**” bermakna Peraturan Pertandingan Liga Bolasepak IPT.
- 1.8 “**Pegawai**” bermakna Pegawai Pertandingan dan Pegawai Pasukan.
- 1.9 “**Pegawai Pertandingan**” bermakna Komissioner Perlawanan, Koordinator Perlawanan, Pengarah Pertandingan, Penolong Pengarah Pertandingan, Pengurus Pertandingan, *General Coordinator*, Penilai Pengadil, Penolong-penolong Pengadil, pegawai ke-empat, ahli Jawatankuasa JKP,JKTP, Pegawai Keselamatan, pegawai Media, Pegawai Perubatan dan sesiapa sahaja yang diberi kuasa oleh JKP atau JKTP untuk menjalankan tugas di dalam LBSIPT.
- 1.10 “**Pegawai Pasukan**” bermakna mana-mana orang mewakili Pasukan yang telah disahkan menyertai LIPT oleh JKP atau JKTP.
- 1.11 “**Pemain**” bermakna Pemain bolasepak warganegara Malaysia atau Pemain Asing yang telah disahkan penyertaannya mewakili Pasukan didalam LIPT dan tertakluk kepada syarat-syarat yang dikenakan oleh JKP atau JKTP.
- 1.12 “**Pasukan**” bermakna mana-mana Pasukan dibawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) iaitu IPTA,IPTS, Politeknik dan Kolej Komuniti yang telah disahkan penyertaannya dalam Pertandingan.

## **2. PEMATUHAN PERATURAN DANPIALA.**

### **2.1 Pematuhan Peraturan:**

- I. Kejujuran dan keikhlasan mematuhi semua Peraturan dan Undang-undang mengenai penyertaan di dalam LBSIPT ini adalah menjadi tanggungjawab ke atas Pasukan, Pegawai dan Pemain.
- II. Mana-mana Pasukan, Pegawai atau Pemain yang mengingkari mana-mana Perkara di dalam Peraturan ini hendaklah dikenakan apa-apa tindakan yang ditetapkan oleh JKP atau JKTP yang mana keputusannya adalah muktamad.

### **2.2 Nama Pertandingan dan Piala.**

- I. Pertandingan ini dinamakan "Pertandingan Liga Bolasepak IPT" bagi merebut Piala Menteri Pendidikan Malaysia.

## **3. PERATURAN AM:**

3.1 Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung, pertandingan ini akan dijalankan mengikut Peraturan FAM dan Undang-undang Permainan Bolasepak yang disiarkan oleh Persekutuan Bolasepak Antarabangsa (FIFA).

3.2 Kejadian di luar jangka dan tidak dinyatakan di dalam peraturan berkenaan akan diputuskan seperti berikut:-

- i Semua kejadian am iaitu perkara-perkara bukan teknikal akan diputus oleh JKP.
- ii Sebarang perselisihan teknikal akan diputuskan JKTP berasaskan kepada Peraturan FAM dan Undang-undang yang mana keputusannya adalah muktamad.

3.3 FAM bertanggungjawab di dalam pengelolaan teknikal Pertandingan meliputi:

- i Memastikan keperluan-keperluan teknikal adalah mengikut prosedur dan peraturan seperti yang ditetapkan oleh FAM dan FIFA.
- ii Bertanggungjawab ke atas organisasi teknikal perlawanan dan seluruh kawalan serta pengurusan teknikal Pertandingan dengan bantuan JKTP.
- iii. Melantik Pengarah Pertandingan atau Penolong Pengarah Pertandingan yang mewakili JKTP untuk menyelia dan memutuskan perkara-perkara yang memerlukan keputusan segera di venue pertandingan.
- iv. Melantik Pegawai-pegawai Pertandingan iaitu Commissioner Perlawanan atau Koordinator Perlawanan hanya bagi perlawanan-perlawanan terpilih, Penilai Pengadil, Pengadil, Penolong-penolong Pengadil dan Pegawai keempat dalam Pertandingan ini.

- v. Mengelola taklimat kepada Pegawai Pasukan sebelum pertandingan bermula untuk menerangkan perkara-perkara teknikal Pertandingan.
- vi. Merujuk kepada Jawatankuasa Tetap FAM yang berkaitan jika terdapat masalah serius yang memerlukan keputusan.
- vii. Mengadakan kusus-kursus terutama dalam bidang teknikal jika diminta berbuat demikian oleh JKP.

#### **4. PENYERTAAN.**

- 4.1 Dibuka kepada semua pasukan dibawah KPM iaitu dari IPTA, IPTS, Politeknik dan Kolej Komuniti.

#### **5. PENDAFTARAN PASUKAN, PEGAWAI DAN PEMAIN.**

##### **5.1 Pasukan**

- I. Pasukan dari IPT hendaklah menyertai pusingan kelayakan terlebih dahulu yang dikelolakan oleh Majlis-majlis Sukan IPT.
- II. Pasukan hendaklah mendaftar mengikut peraturan dan pada tarikh yang ditetapkan.
- III. Setiap pasukan yang menyertai Pertandingan adalah tertakluk kepada semua peraturan dan keputusan-keputusan JKP dan JKTP.

##### **5.2 Pegawai.**

- I. Seorang Pengurus Pasukan
- II. Seorang Penolong Pengurus Pasukan
- III. Tiga (3) orang Jurulatih yang terdiri daripada berikut
  - a) Seorang Ketua Jurulatih yang mempunyai kelayakan minimum Lesen "C" FAM atau setaraf dengannya
  - b) Seorang Jurulatih Penjaga Gol yang mempunyai Lesen daripada FAM atau mempunyai Sijil Kehadiran mengikuti kursus Jurulatih Penjaga Gol
  - c) Jurulatih Ketiga ialah Penolong Jurulatih dan hendaklah sekurang-kurangnya bekas Pemain Bolasepak yang pernah mewakili negeri atau mempunyai Sijil Kehadiran kursus jurulatih atau mempunyai Sijil Jurulatih Kecergasan
- IV. Seorang Analisis Prestasi (*Performance Analyst*):
- V. Seorang Kitman
- VI. Seorang Pembantu Perubatan

### 5.3 Pemain.

- i. Tidak lebih daripada 30 orang pemain yang mana 3 daripadanya mestilah penjaga gol untuk pendaftaran pasukan dan maksimum 18 orang pemain atau minimum 16 orang pemain untuk pendaftaran perlawanan.
- ii. Semua pelajar yang berdaftar dan menghadiri kursus sepenuh masa di peringkat Sijil, Diploma dan Ijazah Pertama yang ditawarkan di IPTA, IPTS, Politeknik dan Kolej Komuniti yang layak menyertai Liga Bola Sepak IPT.
- iii. Semua pelajar yang berdaftar dan menghadiri kursus sepenuh masa di peringkat pasca siswazah layak mengambil bahagian dengan syarat mendapat pengesahan daripada Jabatan Pengajian Siswazah Universiti masing-masing.
- iv. Pelajar Pra-U, Pra-Diploma, Pra-Ijazah, Matrikulasi, Kursus Asasi yang bukan dibawah pengelolaan KPM adalah tidak dibenarkan mengambil bahagian.
- v. Pelajar tahun akhir yang telah menamatkan pengajian hanya layak mewakili institusi masing-masing sehingga semester baru dibuka (kecuali semester khas)
- vi. Seorang pemain hanya boleh didaftarkan untuk satu pasukan sahaja bagi mewakili sesuatu entiti dimana beliau mendaftar sebagai pelajar kecuali dengan kelulusan JKP.
- vii. **Hanya lima (5) orang sahaja pelajar luar negara dibenarkan untuk pendaftaran setiap pasukan dan semua dibenarkan untuk pendaftaran bagi setiap perlawanan.**
- viii. Pendaftaran pemain luar negara hendaklah mempunyai ITC (International Transfer Certificate) dan hendaklah memohon melalui FAM.
- ix. Had Umur pemain adalah di bawah 28 tahun mengikut tahun pertandingan.
- x. **Hanya sepuluh (10) orang pemain sahaja yang boleh ditukar semasa “jendela pertukaran” pemain dibuka. Jendela pertukaran akan bermula pada minggu Ke-5 mengikut jadual perlawanan dan hanya seminggu sahaja tempoh masa diberikan. (Pemain yang tidak mempunyai LESEN PEMAIN tidak dibenarkan bermain)**
- xi. Pemain yang didaftarkan di dalam pasukan-pasukan yang menyertai pertandingan di bawah kelolaan FAM seperti Liga M3, Liga M4, Piala Belia, Piala Presiden, Piala FAM, Liga Perdana, dan Liga Super dibenarkan menyertai Liga Bola Sepak IPT
- xii. Setiap pasukan dibenarkan untuk mendaftarkan 2 orang pemain jemputan dari mana-mana IPT dengan syarat pemain jemputan tersebut mestilah memenuhi peraturan 5.3 (Perkara ii,iii,iv dan x) dan tidak didaftarkan di dalam mana-mana pasukan yang menyertai sebarang pertandingan di dalam Liga Bola Sepak IPT (perkara ini terpakai bagi liga Bola Sepak IPT Divisyen 2 dan Zo

#### 5.4 Pendaftaran Pemain

- i. Setiap pasukan wajib mendaftar minimum 30 orang pemain sebelum tarikh tutup Pendaftaran yang telah ditetapkan.
- ii. Sebarang pertukaran pemain semasa “jendela pertukaran” perlu dilakukan secara online dan perlulah disertakan dengan lesen asal pemain lama.
- iii. Kad Akreditasi Pemain wajib diserahkan kepada Koordinator Umum (GC). Perlawanan sebelum sesuatu perlawanan dijalankan dan setiap Pengurus Pasukan berhak menyemak Kad Akreditasi Pemain pasukan lawan di bawah penyeliaan GC.

### 6. FORMAT PERTANDINGAN

#### 6.1 Pertandingan akan dijalankan seperti berikut:

- i. Divisyen 2 – perlawanan secara karnival pada pusingan pertama melibatkan 15 pasukan. Pasukan akan diundi untuk kumpulan A & B. Johan dan Naib Johan Divisyen Kumpulan A dan B akan bermain di peringkat separuh akhir secara timbal balik. Johan dan Naib Johan Divisyen 2 akan dinaikkan ke Divisyen 1 pada musim hadapan.
- ii. Divisyen 1 – perlawanan secara liga 1 pusingan akan di pertandingan di dalam Divisyen 1 yang diwakili oleh 13 pasukan. Dua (2) pasukan tempat terbawah Divisyen 1 akan diturunkan di Divisyen 2 pada musim hadapan.
- iii. Bagi penerangan lanjut mengenai format pertandingan, sila rujuk Lampiran Format Pertandingan.

## **7. PENENTUAN PASUKAN PEMENANG ATAU TERATAS**

Dalam Pertandingan Liga Satu Pusingan atau lebih, penentuan Pasukan teratas atau pemenang iaitu setelah tamat semua perlawanan peringkat liga hendaklah mengikut susunan hirarki seperti berikut:-

- 7.1.1 Pasukan yang mendapat mata yang tertinggi, dikira sebagai pemenang, jika sama;
- 7.1.2 Pasukan yang mempunyai perbezaan gol terbanyak dikira sebagai pemenang, jika sama;
- 7.1.3 Pasukan yang mempunyai jumlah jaringan gol terbanyak dikira sebagai pemenang, jika sama;
- 7.1.4 Jika terdapat dua (2) atau lebih pasukan mendapat mata yang sama, maka penentuan pasukan teratas atau pemenang seperti berikut:-
  - 7.1.4.1 Pasukan yang mendapat jumlah mata yang terbanyak di antara pasukan-pasukan terlibat, jika sama;
  - 7.1.4.2 Pasukan yang mempunyai perbezaan gol yang terbanyak di antara pasukan-pasukan terlibat, jika sama;
  - 7.1.4.3 Pasukan yang mempunyai jumlah jaringan gol yang terbanyak di antara pasukan-pasukan terlibat, jika sama;
- 7.1.5 Mengambil kira jumlah kad kuning dan kad merah yang diterima dalam Peringkat Kumpulan (Sila rujuk 'Penentuan kedudukan dalam Kumpulan menggunakan Kriteria Fair Play di bawah, jika sama;
- 7.1.6 Undian mengikut kaedah yang diputuskan oleh JKP hingga mendapat keputusan yang mana adalah muktamad.
- 7.2 Penentuan Kedudukan dalam Kumpulan menggunakan Kriteria Fair Play Sebagaimana yang diperuntukkan dalam pengiraan mata di atas (1.1.6), skor yang lebih sedikit dikira mengikut bilangan kad kuning dan merah yang diterima dalam kumpulan perlawanan akan dikira seperti berikut:- Setiap pasukan akan menerima mata untuk menerima kad merah dan kuning seperti yang ditunjukkan di bawah:
  - 7.2.1 setiap kad kuning - satu (1) mata
  - 7.2.2 setiap kad merah akibat daripada dua (2) kad kuning - tiga (3) mata
  - 7.2.3 Setiap kad merah langsung - tiga (3) mata
  - 7.2.4 setiap kad kuning dan diikuti dengan kad merah langsung - empat (4) mataPasukan yang menerima paling sedikit mata akan menduduki tempat yang tertinggi.

- 7.3 Penentuan pemenang bagi perlawanan secara kalah mati (Piala Menteri dan Liga) ditentukan seperti berikut ;
- i. Sekiranya perlawanan berkeputusan seri perlawanan akan diteruskan dalam tambahan masa mengikut peraturan yang telah ditetapkan oleh FAM.
  - ii. Jika tamat tambahan masa keputusan masih juga seri penentuan pemenang akan diputuskan melalui sepakan penalti mengikut peraturan yang telah ditetapkan oleh FAM.
- 7.4 Penentuan pemenang bagi perlawanan karnival Zon Kelayakan ditentukan seperti berikut ;
- i. Sekiranya perlawanan berkeputusan seri penentuan pemenang akan diputuskan melalui sepakan penalti mengikut peraturan yang telah ditetapkan oleh FAM.

## **8. JADUAL PERLAWANAN SERTA WARNA PASUKAN**

- 8.1. Jawatankuasa Teknikal Pertandingan hendaklah menyusun jadual perlawanan dan hendaklah diedarkan kepada semua pasukan yang mengambil bahagian sekurang-kurangnya dua minggu sebelum bermulanya pertandingan.
- 8.2 Tiada sebarang penundaan dibenarkan selepas Jadual Rasmi Pertandingan dikeluarkan kecuali mendapat kelulusan JKTP.

## **9. JERSI PASUKAN**

- 9.2. Sekiranya terdapat persamaan warna pakaian yang dengan syarat tuan rumah memakai warna sebagaimana yang mereka isytiharkan mengikut peraturan, maka pasukan pelawat hendaklah menukar warna pakaian mereka. Begitu juga sekiranya pasukan tuan rumah memakai warna pakaian lain dari apa yang mereka isytiharkan mengikut peraturan, maka pasukan tuan rumahlah yang menukar warna pakaian mereka.
- 9.3. Pemain hendaklah memakai jersi yang mempunyai nombor yang tingginya tidak kurang dari 10 inci manakala nombor di sebelah kanan seluar hendaklah 2 inci tingginya sama dengan nombor yang didaftarkan di dalam senarai rasmi yang dikemukakan. **Nombor jersi hendaklah dari 1 hingga 30 sahaja.**
- 9.4. Semua pasukan dikehendaki mempunyai set jersi kedua dengan warna berlainan daripada jersi set pertama.
- 9.5. Kedua-dua set jersi ini hendaklah diluluskan oleh Jawatankuasa Pengelola

Pertandingan sebelum bermulanya pertandingan.

## **10. UNDANG-UNDANG PERMAINAN**

10.1. Undang-undang Permainan hendaklah mengikut undang-undang yang berkuatkuasa sebagaimana yang diputuskan dan disiarkan Persekutuan Persatuan Bolasepak Antarabangsa (FIFA) dan Peraturan LBSIPT.

## **11. MASA PERMAINAN**

11.1 Masa permainan ialah 45 minit bagi separuh masa pertama dan 45 minit bagi separuh masa kedua. Rehat pada separuh masa hendaklah tidak melebihi 15 minit kecuali dengan izin Pengadil.

11.2 Apabila masa tambahan ditetapkan, maka masa tambahan itu mestilah mengandungi dua bahagian selama 15 minit tiap-tiap bahagian, dengan rehat 5 minit pada akhir masa yang ditentukan tetapi tidak antara masa tambahan itu. Pemain tidak boleh meninggalkan padang permainan semasa waktu rehat kecuali dengan kebenaran pengadil perlawanan.

## **12. WAKTU BERMULA SESUATU PERLAWANAN**

12.1 Waktu bermula sesuatu perlawanan adalah seperti tercatat dalam jadual pertandingan rasmi dan hanya boleh ditukar dengan kelulusan JKTP.

12.2 Sekiranya azan berkemundang ketika perlawanan sedang berjalan, maka adalah menjadi tanggungjawab pengadil untuk memberhentikan perlawanan. Perlawanan akan disambung semula apabila azan tamat

## **13. PERLAWANAN YANG DITUNDA ATAU DIHENTIKAN**

13.1 Sekiranya Pengadil berpendapat bahawa padang tidak sesuai untuk permainan disebabkan oleh keadaan cuaca, atau kerana hal-hal yang tidak dijangkakan dan perlawanan itu tidak dapat dimainkan, atau sekiranya sesuatu perlawanan dihenti akibat hal-hal di luar kawalan kedua-dua pasukan, maka perlawanan yang ditunda atau dihentikan itu hendaklah dilangsungkan pada keesokan harinya di tempat yang sama dan pada masa yang akan ditentukan oleh JKTP.

13.2 Perlawanan yang ditunda atau diberhentikan pada minit ke-70 ke atas disebabkan faktor-faktor seperti di atas akan dikira sebagai keputusan rasmi.



13.3 Sekiranya pengadil menghentikan perlawanan kerana tingkahlaku penonton, pegawai atau pemain satu pasukan yang tidak memuaskan atau keengganan Pasukan, Pegawai atau pemain meneruskan permainan, maka JKP boleh mengambil keputusan-keputusan seperti berikut:

- i. Kemenangan diberi kepada pasukan yang lain dengan 3 mata dan jaringan gol 3 - 0 atau jaringan semasa perlawanan dihentikan, jika ianya lebih.
- ii. Denda
- iii. Penggantungan pasukan untuk beberapa perlawanan atau musim-musim berikut.
- iv. Pasukan akan terkeluar daripada pertandingan.

#### **14. BILANGAN PEMAIN YANG MENCUKUPI DAN PEMAIN GANTIAN**

14.1 Sekiranya kurang dari 10 orang pemain dari salah satu pasukan turun ke padang apabila Pengadil memerintahkan supaya perlawanan dimulakan pada waktu yang diiklankan, maka pasukan yang mempunyai 10 orang pemain atau lebih di padang hendaklah diberi kemenangan percuma dengan jaringan gol 3-0. Pasukan yang mempunyai kurang daripada 10 orang pemain hendaklah dikenakan tindakan atau tindakan-tindakan oleh JKP.

14.2 Jika kedua-dua pasukan tidak dapat menurunkan 10 orang pemain atau lebih apabila Pengadil memerintahkan supaya perlawanan dimulakan pada waktu yang diiklankan, maka pengadil hendaklah melaporkan perkara tersebut kepada JKTP yang akan mengambil tindakan yang difikirkan patut dan perlu.

14.3 Jika permainan diberhentikan oleh pengadil kerana salah satu pasukan atau kedua-dua pasukan mempunyai kurang dari tujuh (7) orang pemain, maka JKTP hendaklah mengenakan tindakan atau tindakan-tindakan yang patut dan perlu kepada Pasukan berkenaan.

14.4 Setiap pasukan berhak membuat lima (5) penggantian pemain dalam satu perlawanan.

#### **15. TARIK DIRI ATAU GAGAL BERMAIN**

15.1 Sekiranya mana-mana pasukan menarik diri selepas melayakkan diri ke mana-mana pertandingan, tindakan tatatertib boleh diambil ke atas pasukan tersebut itu oleh Jawatankuasa Pengelola Pertandingan.

- 15.2 Sekiranya mana-mana pasukan mengugut menarik diri atau menarik diri dari pertandingan selepas penyertaan ditutup dan sebelum pertandingan bermula tanpa mendapat kebenaran terlebih dahulu dari JKP, maka pasukan tersebut boleh dikenakan denda tidak melebihi RM10,000.00 dan boleh digantung daripada menyertai pada musim atau beberapa musim berikutnya.
- 15.3 Sekiranya sesebuah pasukan tidak melaporkan diri untuk sesuatu perlawanan, kecuali hal bencana alam dan sebab-sebabnya kemudian diterima oleh Jawatankuasa Pengelola Pertandingan, atau jika pasukan tersebut enggan meneruskan permainan atau meninggalkan padang sebelum tamat perlawanan, maka Jawatankuasa Pengelola Pertandingan akan mengambil tindakan seperti tersebut dalam para **13.2.** dan para **15.2.**
- 15.4 Mana-mana pegawai atau pemain yang terbukti telah membantu atau bersubahat melakukan apa-apa kesalahan di bawah para **13.3** dan / atau para **15.2.** adalah bersalah kerana khianat dan boleh dikenakan penggantungan atau denda ataupun kedua-duanya sekali.
- 15.5. Walaupun seseorang Pengadil telah membuat kesilapan dalam taksiran Undang-undang Permainan sebagaimana yang diputuskan oleh Lembaga Persatuan Bolasepak Antarabangsa pasukan yang berkenaan hendaklah bermain sehingga tamat perlawanan dan boleh membuat aduan terhadap pengadil tersebut, walaubagaimanapun keputusan perlawanan adalah muktamad.

## **16. URUSAN PADANG**

- 16.1 Kordinator Umum (GC) hendaklah bertanggungjawab atas segala urusan padang dan penyediaan enam (6) biji bola perlawanan yang hendaklah mematuhi Undang-undang Permainan bagi setiap perlawanan. Mereka hendaklah juga bertanggungjawab menyediakan bilangan pemungut bola yang mencukupi (minimum 6 orang) dan pasukan perubatan (Ambulan).
- 16.2 Hanya stadium dan venue yang diluluskan selepas diperiksa sahaja akan dibenarkan untuk digunakan.
- 16.3 Padang latihan yang diiktiraf dan dilengkapi dengan semua peralatan hendaklah disediakan oleh Kordinator Umum (GC) bagi pasukan untuk berlatih dan dimaklumkan kepada JKTP.

## **17. KAWALAN KESELAMATAN DAN KELAKUAN PENYERTAAN**

17.1 Pasukan tuan rumah hendaklah bertanggungjawab atas:-

- i. Kelakuan baik para pegawai, pemain dan penonton.
- ii. Mengambil langkah keselamatan yang digariskan dalam Peraturan Keselamatan Persatuan Bolasepak Malaysia.
- iii. Mengambil segala langkah pencegahan untuk menentukan tiada kejadian yang tidak diingini berlaku.

17.2 Pasukan tuan rumah adalah bertanggungjawab untuk menjaga keselamatan pasukan pelawat dari masa pasukan pelawat itu masuk ke kampus tuan rumah sehingga pasukan pelawat itu balik ke Universiti dan diantaranya.

17.3 Sekiranya Jawatankuasa Tatatertib mendapati pasukan tuan rumah cuai menjalankan tanggungjawab ini, maka Jawatankuasa Tatatertib akan melapor dan mengesyorkan jenistindakan yang boleh diambil oleh JTP dan diantaranya adalah seperti berikut:

- i. Amaran
- ii. Denda
- iii. Penggantungan pasukan.
- iv. Penggantungan pemain dan / atau pegawai yang terlibat.
- v. Penggantungan padang perlawanan untuk tempoh tertentu.
- vi. Atau lain-lain tindakan yang difikirkan sesuai.
- vii. Langkah yang sama boleh diambil terhadap pasukan pelawat sekiranya berlaku sesuatu kejadian akibat salah laku para pemain, pegawai atau penyokong kelolaannya yang dikenalpasti.

## **18. TINDAKAN TATATERTIB**

18.1 Tindakan tatatertib yang akan diambil telah digariskan dalam Peraturan Tatatertib Persatuan Bolasepak Malaysia dan JKTP.

18.2 Tindakan disiplin yang diambil dalam mana-mana perlawanan yang ditangguhkan akan diambil kira dan sebaliknya pemain-pemain yang dikenakan tindakan tatatertib dalam perlawanan yang ditangguhkan itu akan dianggap telah menyempurnakan tindakan tatatertib mereka.

18.3 Keputusan disiplin yang diambil oleh Jawatankuasa Tatatertib hendaklah berkuatkuasa dengan serta merta dan hanya akan dipinda atau dimansuhkan selepas Jawatankuasa Rayuan mengambil keputusan sedemikian.

- 18.4 Pemain yang menerima dan mengumpul 3 kad kuning dalam perlawanan yang berlainan secara automatik akan digantung satu perlawanan berikutnya.
- 18.5 Pemain yang menerima dan mengumpul 2 kad kuning serta 1 kad merah dalam satu perlawanan secara automatik akan digantung 1 perlawanan berikutnya.
- 18.6 Pemain yang menerima kad merah secara terus secara automatik akan digantung 2 perlawanan berikutnya. Pihak lembaga disiplin pemain akan bermesyuarat dan menentukan hukuman yang sewajarnya berdasarkan kekasaran yang dilakukan.
- 18.7 Kad Kuning dalam perlawanan liga tidak akan dibawa ke perlawanan Kalah Mati (Separuh Akhir dan Perlawanan Akhir) kecuali Kad Kuning tersebut adalah kad Kuning boleh hukum.

## **19. BANTAHAN**

- 19.1 Bantahan terhadap keputusan atau soal pemain yang tidak layak mestilah dihantar secara bertulis kepada JKTP Liga Bola Sepak IPT dan hendaklah diterima dalam tempoh 24 jam bagi perlawanan peringkat divisyen dan 1 jam bagi perlawanan peringkat karnival (Pusingan Kelayakan, Piala Kementerian Pendidikan Malaysia dan Piala Menteri Pendidikan Malaysia) selepas tamatnya perlawanan berkenaan dan disertai dengan bukti dan RM 250.00. Hanya RM200.00 yang akan dikembalikan jika bantahan itu berjaya.
- 19.2 Bantahan hanya boleh dibuat oleh pengurus pasukan yang telah didaftarkan sahaja.
- 19.3 Bantahan tidak boleh dibuat terhadap keputusan mengenai perkara-perkara fakta yang dibuat oleh Pengadil di padang permainan.

## **20. PEGAWAI PERTANDINGAN**

- 20.1 Pengadil Kelas 1 Negeri boleh digunakan atas budi bicara FAM. Sekiranya mana-mana pegawai perlawanan tidak hadir pada waktu yang dijadualkan bagi sesuatu perlawanan, keputusan JKTP adalah muktamad.
- 20.2 Pengadil bagi setiap perlawanan hendaklah membuat laporan dalam borang yang disediakan dan laporan tersebut hendaklah dihantar kepada Pengerusi JKTP dalam tempoh 24 jam setelah tamat setiap perlawanan.

## **21. KOORDINATOR UMUM (GC)**

21.1 Semua tuan rumah hendaklah melantik seorang Koordinator Umum yang akan bertanggungjawab untuk pengelolaan perlawanan dan semua acara-acara sampingan yang diadakan di kawasan venue perlawanan.

21.2 Laporan Koordinator Umum hendaklah dihantar kepada Pengerusi JKTP pada malam yang sama selepas perlawanan atau lewat-lewatnya pada pagi keesokan hari.

## **22. KOMMISSIONER PERLAWANAN/ KOORDINATOR PERLAWANAN**

22.1 Seorang MC/KP akan dilantik oleh FAM yang akan bertanggungjawab untuk semua aspek teknikal pengelolaan perlawanan dan penilaian pegawai-pegawai perlawanan.

22.2 Pasukan tuan rumah hendaklah memberi kerjasama yang penuh kepada Koordinator Perlawanan.

## **23. TELEVISYEN, PENYIARAN, IKLAN DAN GALAKAN DAGANG.**

23.1 Apa perlawanan pun tidak boleh direkodkan atau di siarkan oleh televisyen, stesen radio atau penerbit filem melainkan dengan persetujuan JKTP terlebih dahulu.

23.2 JKP akan menentukan bayaran yang akan dikenakan.

23.3 Segala bahan iklan dan galakan dagang di Padang hendaklah terlebih dahulu mendapat persetujuan JKP dan segala pendapatan yang diterima hendaklah di bayar kepada JKP.

23.4 Semua arahan berkenaan dengan perletakan papan-papan pengiklanan oleh JKP hendaklah dipatuhi.

23.5 Segala bahan iklan dan bahan galakan dagang yang berhubung kait dengan rokok, tembakau dan minuman beralkohol adalah tidak dibenarkan sama sekali.

## **24. HAL-HAL YANG TIDAK DI NYATAKAN**

24.1 Segala hal yang tidak dinyatakan dalam peraturan ini atau soal perbezaan taksiran akan diputuskan oleh JKP dan keputusan itu adalah muktamad.